



KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

19 SEPTEMBER 2023 (SELASA)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

19 SEPTEMBER 2023 (SELASA)

KPDN PERLUKAN MENTERI

■ Ketiadaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) susulan pemergian bekas Ahli Parlimen Pulai, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub hampir dua bulan lalu dibimbangi akan membantutkan usaha menangani kenaikan harga barang keperluan yang semakin menghimpit rakyat ketika ini.

■ Bekas Menteri KPDN, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, berdasarkan pengalamannya, KPDN selaku sekretariat penting yang menguruskan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sarawak Hidup (Naccol) memerlukan komitmen seorang Menteri KPDN sepenuh masa bagi merancang strategi serta merealisasikan agenda yang telah dipersetujui.

■ Seorang lagi bekas Menteri KPDN, Datuk Seri Hasan Malek turut bersetuju pelantikan menteri perlu diisi segera dan tidak boleh terus tertangguh kerana melantik pemangku bagi tempoh lama bukanlah keputusan yang baik lantaran pemangku tiada kuasa besar untuk membuat keputusan penting.

MUKA 2 & 3



Isi segera jawatan Menteri KPDN

Naccol sukar tangani isu harga barang kerana ketiadaan menteri



PREMIUM
Sinar
Eksklusif dan Kritis

premium.sinarharian.com.my/

KAIRIL ANWAR MOHD AMIN



Ketidiana Menteri KPDN turut dibimbangi membantutkan usaha Naccol menyempurnakan agenda yang dipersetujui dalam mesyuarat majlis berkenaan.

Ketiadaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) selaku sekretariat penting yang menguruskan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol), diakui sedikit merencangkan usaha majlis itu untuk menangani kenaikan harga barang keperluan secara menyeluruh ketika ini.

Bekas Menteri KPDN, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, meskipun mesyuarat Naccol di-pengerusikan Perdana Menteri, agenda mesyuarat dan pelaksanaan inisiatif yang dipersetujui dalam mesyuarat itu masih perlu dikendalikan oleh Menteri KPDN selaku pengantar atau mediator jawatankuasa sekretariat majlis.

Berikutnya itu, beliau berkata, ketidiana seorang Menteri KPDN secara sepenuh masa dibimbangi akan membantutkan fokus dan perlaksanaan agenda membendung kenaikan kos sara hidup yang dirancang Naccol secara rentas kementerian bersama tujuh kluster kementerian lain.

Tujuh kluster kementerian berkenaan dalam Naccol ialah Kluster Perumahan, Pendidikan, Pengangkutan, Utiliti, Kesihatan, Makanan dan e-Dagang.

"Pengalaman peribadi saya, mesyuarat Naccol kebiasaannya diadakan sekurang-kurangnya dua hingga empat kali setahun bersama Perdana Menteri, menteri-menteri, Ketua Setiausaha Negara, Gabenor Bank Negara, Peguam Negara, tokoh-tokoh akademik, badan bukan kerajaan (NGO), wakil-wakil persatuan dan wakil-wakil industri.

"Bagaimanapun penyusunan strategi dalam merealisasikan agenda dipersetujui dalam mesyuarat Naccol memerlukan komitmen seorang Menteri KPDN yang



secara sepenuh masa mampu berkomunikasi dan bermediasi dengan pegawai-pegawai kanan kementerian terlibat secara berkesan.

"Saya faham Perdana Menteri mungkin berpendapat kekangan untuk melantik Menteri KPDN baharu lebih awal. Namun, saya merasakan lebih cepat portfolio kementerian kritikal itu dilantik seorang menteri, barulah Naccol akan lebih teratur," kata Menteri Kerja Raya itu kepada *Sinar Premium*.

Beliau berkata demikian bagi mengulas sama ada kerajaan menerusi KPDN dan Naccol sudah mempunyai solusi kepada isu kenaikan harga barang yang semakin membebankan rakyat kebelakangan ini, terutamanya melibatkan pelbagai item barang makanan asas seperti beras, bawang dan cili.

Susulan pemergian bekas Ahli Parlimen Pulai, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 23 Julai lalu, kesosongan jawatan Menteri KPDN masih belum terisi dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Arizam Mhd Ali ketika ini dilantik sebagai pemangku.

Antara agenda pertama dilaksanakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebaik sahaja dilantik memegang jawatan itu adalah dengan mengadakan mesyuarat khas Naccol bagi meng-



ALEXANDER



HASAN



TZE TZIN

utamakan fokus membendung kenaikan kos sara hidup rakyat pada November tahun lalu.

Mengulas lanjut mengenai pengalamannya mengendalikan Naccol sewaktu kerajaan terdahulu, Alexander turut mencadangkan Naccol mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap pada setiap tahun di samping fungsiya diselaraskan dengan lebih baik, setiap kali isu kenaikan harga barang timbul.

Hasan Malek seru turun padang

Seorang lagi bekas Menteri KPDN, Datuk Seri Hasan Malek turut bersetuju dengan pandangan pelantikan Menteri KPDN perlu diisikan segera dan tidak boleh terus tertangguh.

Ujarnya, pelantikan Menteri KPDN baru akan memastikan fungsi Naccol diperkasa sekali gus memberi isyarat kepada setiap kementerian terlibat bahawa ada menteri yang akan memantau prestasi mereka sewaktu melaksanakan agenda majlis itu.

"Paling penting, kewujudan Naccol yang dipantau seorang Menteri KPDN sepenuh masa bakal memastikan aspek penguatkuasaan kementerian dalam membendung isu pencatutan harga barang dan aktiviti menyorok stok sumber makanan asas dapat dipertingkatkan secara optimum."

"Bagi saya, soal penguatkuasaan undang-undang terhadap peniaga atau pemborong yang cuba mengutamakan keuntungan melampau juga amat penting kerana kadangkala ada pihak mengambil kesempatan daripada kekangan dihadapi kementerian dan kerajaan ketika ini," ulas Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (Mara) itu.

Pada masa sama, bekas ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO itu turut menggesa bakal Menteri KPDN baharu dan Naccol turun padang ke setiap pelosok kawasan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak bagi mendapatkan gambaran sebenar kadar kenaikan harga barang yang berlaku ketika ini.

"Jangan sekadar pantau harga barang di Lembah Klang. Ini kerana masalah kenaikan harga barang sebenarnya lebih banyak berlaku di kawasan luar bandar disebabkan aspek penguatkuasaan undang-undang yang lemah," tambahnya.

Dalam pada itu, bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sewaktu zaman kerajaan Pakatan Harapan (PH), Sim Tze Tzin mengakui Anwar berdepan cabaran besar untuk menggantikan Menteri KPDN baharu yang mampu menaungi kualiti kepimpinan Salahuddin.

Menurutnya, hal ini kerana Salahuddin sememangnya memamerkan prestasi cemerlang sewaktu mengemudi KPDN sehingga inisiatif Rahmah disambut hebat oleh rakyat sehingga kini.

"Hakikatnya, hanya setelah Salahuddin meninggal dunia, baru kita mendengar pelbagai isu kekurangan produk makanan asas timbul.

"Walaupun ada seorang menteri dilantik memangku jawatan dikosongkan Salahuddin, namun saya melihat KPDN memerlukan komitmen seorang menteri yang boleh berkhidmat secara sepenuh masa kerana portfolio itu amat kritikal dengan kesejahteraan hidup rakyat," kata Ahli Parlimen Bayan Baru itu.

Menteri KPDN baharu perlu dilantik segera

HAMPIR dua bulan negara kita kehilangan seorang menteri yang memegang portfolio penting kepada rakyat iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Sehingga kini, jawatan itu belum diisi oleh mana-mana sòsok dan tanggungjawab itu dipegang sementara oleh Menteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas, Datuk Armizan Mohd Ali serta dibantu Timbalan KPDN, Fuziah Salleh.

Hari demi hari, rakyat khasnya kumpulan B40 dan M40 dihimpit pelbagai masalah berkaitan kos sara hidup.

Baru-baru ini, pengguna dikejutkan dengan kenaikan harga beras import dan kekurangan bekalan telur ayam.

Akhbar ini juga pada Ahad lalu, melaporkan runutan para pelanggan khasnya peniaga yang terpaksa berdepan dengan kenaikan harga bawang dan cili kering.

Peranalisis politik dari Universiti Malaya, Dr Mohammad Tawfik Yaakub berkata, pelantikan menteri KPDN sepatutnya dibuat lebih awal kerana portfolio itu bersangkut paut dengan isu keperluan harian rakyat.

Tegasnya, melantik pemangku bagi tempoh yang lama bukanlah keputusan baik kerana tidak mempunyai kuasa besar untuk membuat keputusan penting.

Ada benar juga pendapat beliau itu kerana kedudukan seorang menteri yang menjaga kegunaan dan harga barang sangatlah penting.

Semua sedia maklum, hendak melantik menteri tidak perlu hingga mengadakan pilihan raya kerana ini merupakan tempoh genting. Pilih pemimpin yang ada kelayakan dan kemampuan.

KPDN perlü ada ketuanya sendiri bagi mengelalui semua mesyuarat dan beliau boleh membuat keputusan kerana pemangku dan timbalan kementerian itu yang ada tidak mampu berbuat demikian.

Menyatakan hal yang sama, Menteri KPDN juga wajib turun padang dan membuat keputusan bagi menyelesaikan isu harga barang yang menghimpit rakyat kini.

Perlu diingat, tanggungjawab yang dipegang Armizan sebagai pemangku tidak membolehkan beliau beraksi secara penuh kerana beliau masih mempunyai tanggungjawab lain selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pendek kata, kerusi yang dikosongkan itu perlu diisi dengan segera dan bukannya tanggungjawab dipikul oleh pemangku.

'Bekalan beras kurang kerana belian panik'

Kerajaan juga tak sekat warga asing beli beras tempatan, kata Mat Sabu

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
KUALA LUMPUR

Dewan Rakyat pada Isnin di-beritahu bahawa kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran terjadi kerana berlaku pembelian panik oleh pengguna dan peniaga.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, apabila beras import naik harga, permintaan terhadap beras putih tempatan melonjak.

"Bila berlaku kenaikan harga beras import begitu tinggi, yang selalu beli beras import berubah (pembelian) ke beras tempatan menyebabkan berlaku kekurangan (bekalan di pasaran).

"Sebelum ini beras tempatan tidak dipedulikan sangat termasuk oleh para peniaga," katanya pada sesi penggulungan perbaasan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di

Dewan Rakyat.

Mohamad bagaimanapun memaklumkan kerajaan belum memutuskan untuk melarang warga asing daripada membeli beras tempatan.

"Warga asing pun perlu makan, jangan lupa mereka bekerja dan berkhidmat untuk membangunkan negara kita," ujarnya.

Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang)

sebelum itu mencelih dan meminta Mohamad menyatakan keputusan kerajaan terhadap cadangan larangan pembelian beras tempatan kepada warga asing.

Mohamad menegaskan, beliau yakin langkah intervensi yang dilakukan dalam isu kekurangan beras tempatan itu termasuk pelaksanaan Operasi Beras Putih Tempatan akan dapat menangani masalah tersebut.

Dari segi stok bekalan beras negara, menurutnya, sehingga kini stok bekalan beras negara adalah sebanyak 900,000 tan metrik membabitkan 250,000 tan metrik simpanan stok dan 650,000 tan metrik stok dagangan.

"Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat hingga lima bulan.

"Sehubungan itu kementerian berpandangan bahawa masih belum terdapat keperluan mendesak yang bersifat kece-



Stok bekalan beras negara kini adalah sebanyak 900,000 tan metrik.

masan untuk menggunakan simpanan stok yang berjumlah 250,000 tan metrik," jelasnya.

Katanya, stok dagangan sedia ada sebanyak 650,000 tan metrik adalah mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Fuziah Salleh berkata, kerajaan akan melancarkan Jualan Rahmah Beras dalam masa terdekat untuk membantu meringankan beban rakyat.

Kata beliau di Dewan Rakyat,



MOHAMAD

melalui program itu pengguna boleh mendapatkan beras pada harga subsidi, menerusi peruntukan RM150 juta yang telah diluluskan di Parlimen.

"Beras merupakan barang kawalan yang KPDN tiada kuasa untuk mengawal harganya.

Akan tetapi apabila hari-hari kita mendengar rintihan rakyat, maka KPDN cuba mencari jalan bagaimana dalam ruang lingkup KPDN kita boleh selesaikan isu kenaikan harga beras import dan ketiadaan beras tempatan seperti yang didakwa," katanya.

Pembelian panik peniaga punca stok barang keperluan habis

KUANTAN - Pembelian panik yang dilakukan para peniaga antara punca berlakunya kekurangan bekalan telur, minyak masak peket, beras tempatan dan gula di negeri ini.

Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia negeri, Sim Chon Siang berkata, faktor itu dikenal pasti hasil periksaan dan pemantauan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang di pasar raya di seluruh negeri.

Menurutnya, bekalan bagi empat barang keperluan itu memang diterima pihak pasar raya bagaimanapun disebabkan pembelian panik daripada peniaga makanan menyebabkan stok bekalan yang diterima kehabisan.

"Saya percaya peniaga berbuat demikian sebagai stok kerana bimbang bekalan terputus dan menjelaskan per-

niagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dijumpai selepas meninjau bekalan gula, telur, beras tempatan dan minyak masak di 11 pasar raya di sini, pada Isnin.

Chon Siang berkata, terdapat juga dakwaan pembekal lebih mengutamakan pasar raya yang membuat bayaran tunai berbanding bayaran secara kredit.

"Pasar raya yang membayar secara tunai lebih cepat mendapat bekalan dengan kuantiti lebih besar dan sebaliknya bagi pasar raya yang membuat bayaran secara kredit.

"Ibu ini juga antara penyumbang kepada masalah kekurangan bekalan barang keperluan ini dan perkara itu perlu perhatian pihak KPDN," katanya.

Menurutnya, masalah kekurangan bekalan itu akan dibangkitkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri, Rabu ini.



Chon Siang (kanan) ketika melakukan tinjauan bekalan telur, minyak masak peket, beras tempatan dan gula di salah sebuah pasar raya pada Isnin.

Govt moves to ensure enough local white rice

PETALING JAYA: A maximum purchase limit and an increase in production are among the moves taken by the government to address the shortage of locally produced white rice.

The Agriculture and Food Security Ministry (KPKM) said it has held engagement sessions with industry players such as manufacturers, wholesalers, retailers, as well as food operators and food entrepreneurs.

"Under the local white rice special programme, rice manufacturers have agreed to increase production by 20%, totalling 23,000 tonnes per month – or 2.3 million 10kg bags – that will be distributed in phases.

"Both the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and Farmers' Organisation Authority (LPP) will be selling local rice at their outlets by this month," it said.

For a start, Fama will receive 400 tonnes of local white rice to be distributed to 416 outlets, while LPP will distribute 300 tonnes to 40 farmer outlets.

According to the ministry, the shortage is not only due to panic buying but also the result of a domino effect caused by India's suspension of rice exports and the depreciation of the ringgit.

"This has led to an increase in the world's imported rice prices from US\$400 per tonne to US\$620 per tonne."

The government had to implement a price adjustment on Sept 1 to cushion the impact of this rise.

Padiberas Nasional Bhd (Bernas) announced a price hike for all imported white rice – from RM2,350 to RM3,200 per tonne as of Sept 1. KPKM said if Bernas had not done that, it would be making losses of RM80mil per month.

"Consumers tend to buy local white rice that is cheaper because its price is controlled by the government at RM2.60 kg."

"Malaysia currently has the cheapest locally produced white rice in the South-East Asian region," Bernas said.

The government is also striving to ensure the country's local rice supply reaches a 100% self-sufficiency level (SSL), with various programmes.

Meanwhile, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP), under Ops Jamin, has been monitoring the supply chain to ensure there is enough locally produced rice.

"Our enforcement officers monitor and remind all mills, wholesalers and retailers that they should not manipulate sales of the locally produced white rice.

"The rice should not be labelled

as imported white rice and sold at higher prices. Such an action will be severely dealt with," said the ministry's enforcement unit deputy director of operations Shamsul Nizam Khalil.

"We will not tolerate such profiteering," he said.

KPDNHEP secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof said his ministry's role is to monitor the supply chain and prices.

"All cases (with regard to rice supply and sale) will be referred to KPKM unless it falls under our jurisdiction. Our officers have been on the ground every day, visiting all premises to ensure there is no profiteering or hoarding," said Azman.

FORMORE:

See page 7

Premis jual minyak masak peket libatkan warga asing

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Negeri (KPDN) Johor membuka kertas siasatan terhadap sebuah premis melibatkan warga asing yang dipercayai terlibat menjual minyak masak peket bersubsidi satu kilogram.

Pengaruhnya, Lelis Saslinda Pornomo berkata, siasatan sedang dijalankan untuk siasatan lanjut.

"KPDN Johor maklum tentang rakaman video tular yang dilaporkan berlaku di sekitar Pasar Borong Pandan, di sini.

Semalam, penguatan kuasa menjalankan pemeriksaan dan mendapati premis tersebut gagal mematuhi Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.

"Sehubungan itu, siasatan lanjut dijalankan bagi memastikan tiada ketirisan maupun penyelewengan, terutamanya melibatkan bekalan minyak masak peket satu kilogram," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Lelis Saslinda berkata, sekiranya didapati bersalah, pihak terlibat boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta atau penjara



TANGKAP layar rakaman video yang tular menunjukkan minyak masak peket satu kilogram dijual warganegara asing di sebuah pasar borong di Johor Bahru.

selama tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama manakala denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua.

"Sebaliknya bagi pertubuhan

atau perbadanan, denda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya," jelasnya.

Menurutnya, hasil pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan mendapatkannya mendapatkan barang

keperluan adalah mencukupi dan mudah diperoleh secara keseluruhannya.

"Pemeriksaan terhadap semua peringkat rantai pengedaran dibuat bagi menjamin tiada berlaku ketirisan," ujarnya.

KPDN Johor ambil tindakan premis tular jual barang terkawal kepada warga asing

Premis disiasat seleweng minyak peket

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Sebuah premis dipercayai diurus warga asing telah disiasat kerana menyeleng wangi minyak peket bersubsidi satu kilogram hasil serbuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Negeri (KPDN) Johor semalam.

Pengaruhnya, Lilit Saslinda Purnomo berkata, pihaknya telah membuka kertas siasatan berhubung perkara tersebut dan siasatan lanjut akan dijalankan.

Jelasnya, penguat kuasa telah menjalankan pemeriksaan serta mendapati premis tersebut gagal mematuhi Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974.

Tambah Lilit Saslinda, KPDN Johor telah mengambil langkah proaktif dengan membuat pemantauan berterusan terhadap bekalan keperluan asas di seluruh negeri itu.



TANGKAP layar video tular beberapa warga asing membawa minyak peket bersubsidi di sebuah pasar di Johor Bahru kelmarin.

“Sehubungan itu, siasatan lanjut dijalankan bagi memastikan tiada ketirisan mahu pun penyelewengan terutamanya melibatkan bekalan minyak masak peket satu kilogram,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambah Lilit Saslinda, sekiranya didapati bersalah, pihak terlibat boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta atau penjar selama 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama, manakala denda tidak melebihi RM3 juta atau penjar tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua.

“Sebaliknya bagi pertubuhan atau perbadanan, denda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya,” jelasnya.

Menurut beliau, hasil pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan mendapat, bekalan barang keperluan adalah mencukupi dan mudah diperolehi.

Terdahulu, tular satu rakaman video berdurasi lebih 3 minit memaparkan beberapa kotak dipercaya minyak masak peket dijual warga asing di sebuah pasar borong di bandar raya ini.

Tiada bukti warga asing jual minyak peket: KPDN

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Johor tidak menemukan sebarang bukti menunjukkan kewujudan kegiatan menjual minyak masak peket bersubsidi oleh warga asing di sebuah premis di Pandan disini.

Jurucakapnya berkata, penguat kuasa KPDN Johor Bahru menjalankan pemeriksaan terhadap premis kelmarin dan siasatan mendapati, premis itu memiliki lesen borong *Control Supply Act* (CSA) bagi barang kawalan.

Menurutnya, pihaknya bertindak atas dakwaan yang tular di media sosial mendakwa berlaku kegiatan penjualan minyak masak peket oleh warga asing, namun tiada bukti jualan maupun pembelian berkaitan ditemukan.

Katanya, bagaimanapun, siasatan mendapati, premis itu disyaki gagal mematuhi Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB)

1974 iaitu gagal selenggara buku stok (maklumat stok simpanan, rekod jualan dan rekod pembelian minyak masak).

"Siasatan lanjut dijalankan bagi memastikan tiada unsur ketirisan maupun penyelewengan terutama membabitkan minyak masak paket.

"Sekiranya didapati bersalah, pihak berkaitan boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama, manakala denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kedua," katanya dihubungi semalam.

Terdahulu, tular satu rakaman video berdurasi lebih tiga minit memaparkan beberapa kotak dipercayai mengandungi minyak masak paket sekilogram dijual warga asing di sebuah premis berhampiran Pasar Borong Pandan, disini.



TANGKAP layar video tular mendakwa warga asing menjual minyak masak peket bersubsidi.



BERITA ONLINE (KPDN)

19 SEPTEMBER 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Sep	Pegawai KPDN diarah turun setiap hari periksa harga barang	https://www.google.com/amp/s/premium.sinarharian.com.my/ampArticle/228296	SH
19-Sep	Kenaikan harga barang pencetus inflasi makanan	https://www.google.com/amp/s/premium.sinarharian.com.my/ampArticle/228293	SH
19-Sep	KPDN siasat premis jual minyak masak peket kepada warga asing	https://www.kosmo.com.my/2023/09/18/kpdn-siasat-premis-jual-minyak-masak-peket-kepada-warga-asing/	KOSMO
19-Sep	VIDEO TULAR KPDN Siasat Dakwaan Warga Asing Jual Minyak Masak Ber-subsidi	https://youtu.be/H--AqSzeRFs?si=5M2i40YldmNVXuge	BULETINTV3
19-Sep	Siasat kedai runcit jual gula melebihi harga ditetapkan	https://www.sinarharian.com.my/article/279624/edisi/johor/siasat-kedai-runcit-jual-gula-melebihi-harga-ditetapkan	SH
19-Sep	KPDN to launch Rahmah rice sales: Fuziah Salleh	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-to-launch-rahmah-rice-sales-fuziah-salleh-GF11506167	THESUNDAILY
19-Sep	KPDN akan lancar Jualan Rahmah Beras	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/18/kpdn-akan-lancar-jualan-rahmah-beras	UMBORNEO
19-Sep	KPDN anjur Jualan Rahmah Beras esok - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-anjur-jualan-rahmah-beras-esok-fuziah-437902%3famp=1	ASTROAWANI
19-Sep	KPDN to launch Rahmah rice sales: Fuziah Salleh	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2226682	BERNAMA
19-Sep	KPDN to launch Rahmah Rice Sales	https://selangorjournal.my/2023/09/kpdn-to-launch-rahmah-rice-sales/	SELANGORJOURNAL
19-Sep	KPDN to launch Rahmah Rice Sales	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/09/18/govt-to-launch-scheme-to-sell-reasonably-priced-rice/	FMT

19-Sep	Consumers, traders want rice supply issue be resolved swiftly	https://harakahdaily.net/index.php/2023/09/18/consumers-traders-want-rice-supply-issue-be-resolved-swiftly/	HARAKAHDAILY
19-Sep	Rice supply issues fall under Agriculture and Food Security Ministry, Fuziah tells Opposition MP	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/18/rice-supply-issues-fall-under-agriculture-and-food-security-ministry-says-fuziah-tells-opposition-mp	THESTAR
19-Sep	Kerajaan lancar Jualan Rahmah Beras esok	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/279658	SH
19-Sep	Dewan Rakyat: KPDN adakan Jualan Rahmah Beras	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/dewan-rakyat-kpdn-lancar-jualan-rahmah-beras/	UM
19-Sep	KPDN lancar Jualan Rahmah Beras atasi kenaikan harga	https://malaysiagazette.com/2023/09/18/kpdn-lancar-jualan-rahmah-beras-atasi-kenaikan-harga/	MALAYSIAGAZETTE
19-Sep	'Tunggu esok, KPDN lancar Jualan Rahmah Beras'	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1011001/tunggu-esok-kpdn-lancar-jualan-rahmah-beras	HM
19-Sep	'Jualan Beras Rahmah' to offer subsidised rice	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/956847/jualan-beras-rahmah-offer-subsidised-rice	NST
19-Sep	Kerajaan lancar jualan beras Rahmah - Fuziah	https://youtu.be/GmYWYtDcZOI?si=ghyVqLoPLrkYSrF7	KINITV
19-Sep	Pengguna, peniaga taruh harapan isu kekurangan beras tempatan selesai	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/279669	SH
19-Sep	KPDN Johor akan ambil tindakan terhadap premis jual minyak masak peket kepada warga asing	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-johor-akan-ambil-tindakan-terhadap-premis-jual-minyak-masak-peket-kepada-warga-asng-437939%3famp=1	ASTROAWANI

19-Sep	Domestic Trade and Cost of Living Ministry takes action against premises selling subsidised oil to foreigners	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/208300	SINARDAILY
19-Sep	Action taken against JB shop selling subsidised cooking oil to foreigners, says Domestic Trade Ministry	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/18/action-taken-against-jb-shop-selling-subsidised-cooking-oil-says-domestic-trade-ministry	THESTAR
19-Sep	Shortage in subsidised cooking oil not due to leakages, smuggling	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/956849/shortage-subsidised-cooking-oil-not-due-leakages-smuggling	NST
19-Sep	Domestic Trade Ministry takes action against premises selling subsidised oil to foreigners, says Johor director	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/09/18/domestic-trade-ministry-takes-action-against-premises-selling-subsidised-oil-to-foreigners-says-johor-director/91565	MALAYMAIL
19-Sep	KPDN Johor akan ambil tindakan terhadap premis jual minyak masak peket kepada warga asing	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2226731	BERNAMA
19-Sep	KPDN takes action against premises selling subsidised oil to foreigners	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2226744	BERNAMA
19-Sep	'60 peratus daripada 60 juta minyak masak paket diguna peniaga tak layak terima subsidi'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1154276/60-peratus-daripada-60-juta-minyak-masak-paket-diguna-peniaga-tak	BH
19-Sep	MSM Denies Allegations That Consumers Must Buy Premium Sugar To Get Cheaper Option	https://www.therakyatpost.com/news/2023/09/18/msm-denies-allegations-that-consumers-must-buy-premium-sugar-to-get-cheaper-option/	THERAKYATPOST
19-Sep	Sugar industry crash imminent if price structure not reviewed, says Fuziah	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/18/sugar-industry-crash-imminent-if-price-structure-not-reviewed-says-fuziah	THESTAR
19-Sep	Belian panik peniaga makanan antara punca bekalan kurang	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1011012/belian-panik-peniaga-makanan-antara-punca-bekalan-kurang	HM
19-Sep	Menteri KPDN baharu perlu dilantik segera	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/279707	SH